



FENOMENA air pasang besar di Pantai Bagan Nakhoda Omar, di sini. - Foto Mohd Shukor Amin

Air pasang besar: Keadaan terkawal di Sabak Bernam

Oleh Mohd Shukor Amin

cnews@nstp.com.my

SABAK BERNAM: Beberapa kawasan berisiko dilanda banjir kilat di daerah ini berikutan fenomena air pasang besar yang bermula hari ini, dilaporkan terkawal.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Sabak Bernam, Nasir Mamat, berkata sebanyak 17 kawasan disenaraikan sebagai berisiko manakala persiapan menghadapi fenomena air pasang besar dijangka berterusan tiga hari berturut-turut sehingga Rabu.

Katanya, pemantauan oleh agensi berkaitan di bawah jawatankuasa itu pagi tadi melaporkan tiada limpahan air laut berlaku.

Beliau berkata, pemantauan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sabak Bernam di beberapa lokasi berisiko di pesisir pantai daerah ini juga mendapati keadaan adalah terkawal.

“Antara lokasi dipantau pasukan JPS pada jam 5.30 pagi tadi ialah Pantai Batu 23 Sungai Nibong, Bagan Sekinchan, kunci air Sungai Haji Sirat Tali Air 7 Sungai Leman, kunci air Bagan Nakhoda Omar dan Tebuk Mendelung.

“Sementara itu, lapan anggota dan pegawai bersama sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sabak Bernam melakukan rondaan di Bagan Nakhoda Omar dan Sungai Lang,” katanya.

Beliau yang juga Pegawai Daerah Sabak Bernam berkata, berdasarkan bacaan paras pasang surut air laut di Jeti Bagan Datok, paras air pasang tertinggi iaitu 3.2 meter dijangka berlaku pada jam 6.10 pagi esok dan jam 6.47 pagi Rabu,” katanya.